

KANDUNGAN


**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.3, NO. 10 HINGGA NO. 54)**

30 NOVEMBER 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 9)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 30.11.2015

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah perancangan Kementerian untuk menempatkan tenaga pengajar terutamanya bagi yang berasal dari Sabah dan Sarawak untuk kembali bertugas di negeri asal mereka; dan
- (b) apakah langkah-langkah tambahan Kementerian untuk memastikan penduduk di kawasan pedalaman turut menerima peluang pembelajaran yang setara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah untuk mencapai sasaran 90 peratus guru tempatan di Sabah dan Sarawak melalui langkah penempatan guru baharu kelahiran negeri Sabah dan Sarawak ke negeri asal mereka. Manakala pertukaran guru yang berasal dari negeri Sabah dan Sarawak yang berkhidmat di Semenanjung tanpa mengira tempoh perkhidmatan untuk ke Sabah dan Sarawak akan diberi keutamaan berkuatkuasa

pada 1 Januari 2016 bagi mendapat mandat menambah jumlah guru dalam kalangan anak tempatan yang berkhidmat di negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh tiga tahun akan datang (2016 – 2018).

KPM juga melaksanakan pendekatan khas untuk calon Sarawak dan Sabah dari segi **syarat asas akademik** kemasukan ke Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Institut Pendidikan Guru daripada 5 Gred Cemerlang di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia kepada hanya **enam (6) Gred Kepujian** termasuk Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris **khususnya** kepada calon anak-anak Penan di Sarawak dan calon anak-anak Orang Asli/Pedalaman. Mereka juga akan menjalani proses pemilihan “ranking” mengikut negeri masing-masing dan ditemu duga dalam kalangan mereka sahaja. Sementara pelantikan Panel Penemuduga akan diberi keutamaan kepada panel tempatan. Ambilan khas bagi calon-calon dari kawasan pedalaman telah dilaksanakan mulai tahun 2014.

- b) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menjalankan program kelas untuk murid dewasa iaitu Kelas Dewasa Asli dan Penan (KEDAP) bagi memastikan penduduk minoriti atau peribumi yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak mendapat pendidikan. Sebanyak 18 buah sekolah di Sabah dan 13 buah sekolah di Sarawak telah dipilih untuk mengadakan kelas ini. Menerusi program ini diharapkan ibu bapa/penjaga yang mengikuti kelas ini dapat menerima pendidikan formal dan dapat

menyedarkan mereka tentang kepentingan pendidikan terhadap anak-anak mereka.

KPM juga berusaha untuk memastikan anak orang Asli tidak tercicir dari persekolahan dengan mengambil langkah-langkah berikut :-

- i. Menambah bilangan Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) yang mengandungi elemen Pendidikan Asas Vokasional (PAV).
- ii. Menaiktaraf kelas KEDAP 2.0 dengan memperkenalkan subjek Bahasa Inggeris dan ICT.
- iii. Membina asrama berpusat.
- iv. Menyediakan prasarana yang lebih kondusif seperti bekalan air bersih, jalan raya, bekalan elektrik dan pengangkutan.

Sekolah Model Khas Komprehensif (K9) telah berjaya menangani masalah keciciran dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar. Keberkesanan program ini di dalam menangani masalah keciciran dalam kalangan pelajar di kawasan luar bandar dapat dibuktikan kejayaannya di sekolah rendah :

- i. SK Bandar Dua, Paloh Hinai, Pekan, Pahang
- ii. SK Kuala Lipis, Pahang
- iii. SK Long Bedian, Baram, Sarawak
- iv. SK Pensiangan, Sabah
- v. SK Pos Kemar, Gerik, Perak
- vi. SK Air Banun, Gerik, Perak
- vii. SK (Asli) Bukit Kemandol, Klang, Selangor.